

HUBUNGAN REKACORAK KOHLAM DALAM
PENGHASILAN SENIREKA TEKSTIL INDIA

OLEH

WAHIDA BTE A. RAHMAN

87169924

DIPLOMA SENIREKA TEKSTIL

KAJIAN SENIREKA .TEKSIL

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

1990 / 91

KANDUNGAN

/

Halaman

SEKAPUR SIRIH

SINOPSIS

PENGHARGAAN_____—

PENDAHULUAN

BAB - 1.0 : PENGENALAN I

Sejarah asal usul dan pendefinisian kohlam.

BAB 2.0 : Penjenisan " kohlam ". &

2.1 : Penjenisan " kohlam " dalam susunan ?
rekacorak, pengolahan bentuk dan warna.

2.2 : " kohlam " (simbol kepercayaan serta -12.
kepercayaannya dalam agama hindu)

BAB 3.0 : Sejarah awal rekacorak tekstil India. 3-0

3.1 : Rekacorak-rekacorak di dalam penghasilan A\
tekstil India (saree).

- 3.2 : Penyusunan-rekacocak- serta- pengolahan warna -a3-
dalam seni tekstil India (pakaian).

3.3 : Seni corak " kantha ". ^q

3.4 : Kesimpulan antara rekacorak-rekacorak di .3,
dalam penghasilan tekstil India.

BAB 4.0 : Perbezaan dan persamaan rekacorak kohlam dan 3?
rekacorak tekstil India.

BAB 5.0 : Kesimpulan di antara hubungan rekacorak 3.<?
kohlam dengan senireka tekstil India.

BAB 6.0 : Rumusan 4-3

SISIPAN GAMBARAJAH-GAMBARAJAH 5_ -^

DAN SLIDE

BIBLIOGRAFI

SINOPSIS

Hubungan rekacorak kohlam dengan penghasilan senireka tekstil India adalah menjadi tajuk tesis saya. Saya mengkaji serta menuis tajuk lain berdasarkan kesenian yang ditunjukkan oleh masyarakat India tidak kurang menariknya dengan kesenian Melayu di mana ia turut mempengaruhi corak kehidupan masyarakat Melayu khususnya dari segi berpakaian.

Rekacorak kohlam adalah satu lukisan di atas lantai yang biasanya dilukis oleh golongan wanita India di setiap pagi untuk upacara sembahyang, perayaan-perayaan mahupun sekadar menghiasi lantai halaman rumah mereka. Rekacorak - rekacorak kohlam ini terdapat dalam berbagai bentuk dan warna di bawah satu motif yang serupa serta mengandungi makna-makna tersendiri, manakala senireka tekstil India pula tidak dinafikan 'kehebatannya' dalam pengolahan rekacoraknya yang menarik dan unik. Di dalam tesis saya, ingin saya mengkaitkan kedua-dua rekacorak kohlam dengan rekacorak yang terdapat didalam penghasilan tekstil India terutamanya dalam pakaian mereka. Hasil yang didapati mereka mempunyai hubungan yang rapat yang saling berkait baik dari segi pengambilan motif, pengolahan rekacorak, bentuk, warna serta makna yang simbolik. Ini diperolehi daripada beberapa kajian yang telah dibuat melalui beberapa buah buku rujukan, temubual orang perseorangan dan gambar-gambar yang diambil.

Tujuan saya menulis tesis dibawah tajuk ini adalah kerana untuk menghidupkan lagi rekacorak kohlam yang indah ini serta mengaitkannya dengan rekacorak tekstil. Bukan sahaja tekstil India yang sesuai untuk kegunaan tekstil tetapi untuk pengkajian saya dalam pembelajaran rekacorak di sepanjang pembelajaran saya

PENGHARGAAN

Tesis ini dibuat adaiah untuk memenuhi syarat kajian senilukis dan senireka bagi memperolehi Diploma di Institut Teknologi Mara. Dalam usaha untuk Tnenjayakan sesebuah tesis ini, adaiah suatu perkara yang rumit dan tidak boleh dipandang ringan. Tanpa kerjasama serta pertolongan-pertolongan yang dlberlRan oleh beberapa pihak tertentu, sudah tentu akan menambah kesuiitan yang sedia ada. Di sini, saya sebagai penulis tesis ini ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada mana-mana pihak yang terlibat kerana kerjasama yang telah diberikan untuk menjayakan bersama tesis saya ini. Terutama yang telah banyak memberikan sumbangan dan yang telah meluluskan serta membenarkan saya menulis tajuk tesis ini iaitu ketua kursus saya ;

En. Ahmad Badaruddin Fadzil.
Jabatan Seni Tekstil,
Kajian Senilukis dan Senireka,
ITM, 40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah saya selaku penasihat yang telah banyak memberikan dorongan dan bimbingan serta memberi beberapa cadangan dalarn membantu saya menjayakan tesis ini iaitu,

En. Said b. Abu.
Pensyarah Kanan,
Jabatan Seni Tekstil,
Kajian Senilukis dan Senireka,
ITM, 40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Tidak ketinggalan kepada pensyarah-pensyarah liberal ATH 405 iaitu Puan Jahani, En. Ali, En. Khairi dan En. Mulyadi. Begitu juga dengan semua kakitangan-kakitangan di pejabat Kajian

BAB 1

PENGENALAN

Sejarah asal usul dan pendefinasian kohlam

"Masyarakat India dahulu kala terutamanya golongan wanita-wanita biasanya membuat rekacorak yang berwarna warni di atas lantai pintu masuk rumah mereka. Perbuatan melukis corak-corak ini dilakukan oleh mereka setiap hari di waktu awal pagi lagi". Ini adalah pekerjaan yang pertama sekali yang harus dilakukan oleh mereka sebelum melakukan pekerjaan-pekerjaan seharian yang lain. Mereka bukan sahaja melukis corak-corak tersebut sebagai satu perhiasan semata-mata malahan ia telah menjadi satu tradisi turun temurun di kalangan mereka ketika terdapatnya satu-satu upacara keraian di hari-hari perayaan tertentu. (Rujuk slide 1)

"Adalah dipercayai pada suatu waktu dahulu, corak-corak yang indah dan berwarna warni di olah di atas lantai rumah mereka untuk menarik perhatian haiwan-haiwan kecil seperti serangga, burung-burung kecil dan lain-lain lagi. Mereka mempercayai bahawa satu kebajikan atau sedekah diperolehi apabila rekacorak-rekacorak tersebut dikerumuni atau didatangi oleh haiwan-haiwan tersebut. Bahan utama yang digunakan untuk membuat rekacorak di atas lantai ini diperbuat daripada tepung beras yang dicampur dengan air diperbuat daripada tepung beras yang dicampur dengan air. Mereka juga percaya terteranya rekacorak-rakacorak ini dikatakan juga terdapat menghindarkan satu-satu wabak penyakit atau bencana daripada menimpa mereka sekeluarga".²

1,2 - Hasil temubual dengan Pn. Saraswathy.